

23/10/1999

Usah cetus ketegangan kaum: Ghafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Orang ramai terutama penyokong parti pembangkang dinasihatkan tidak menimbulkan isu yang boleh mencetuskan ketegangan kaum menjelang pilihan raya umum akan datang.

Pemimpin veteran, Tun Ghafar Baba, berkata mereka boleh menceritakan mengenai keburukan peristiwa 13 Mei 1969 tetapi perlu menghindarkan diri daripada menimbulkan siapa pencetus rusuhan kaum ketika itu.

"Biarlah rakyat membuat pilihan masing-masing dalam keadaan tenang pada pilihan raya umum nanti. Jangan menimbulkan perasaan syak wasangka di antara kaum dan jangan membuat tuntutan yang tidak munasabah.

"Kita harus memikirkan masa depan negara dan ini dapat dijamin oleh sebuah kerajaan yang kuat. Oleh itu, amat perlu bagi rakyat memberi kemenangan majoriti lebih dua pertiga kepada kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya di pejabatnya di sini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu mengulas mengenai perkembangan semasa berikutan kecenderungan pihak pembangkang menimbulkan isu ketegangan kaum 13 Mei 1969 dalam ceramah mereka serta tuntutan 17 perkara pertubuhan masyarakat Cina.

Ghafar berkata, sebarang tuntutan harus dibuat melalui perundingan dan tidak perlu digembar-gemburkan yang boleh membangkit perasaan benci membenci sesama sendiri.

Berdasarkan hakikat itu juga, katanya, adalah lebih baik bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pilihan raya umum tahun depan.

"Biarlah pembangkang bercakap apa saja sekarang dan menjelang awal tahun depan, mereka mungkin kehabisan modal untuk dijadikan isu. Ketika itu nanti, senang bagi BN kerana pembangkang ketiadaan isu.

"Pembangkang juga tidak boleh nak kata tempoh kempen terlalu pendek jika pilihan raya diadakan awal tahun depan. Malah, pembangkang sendiri sudah memulakan kempen," katanya.

Mengenai kemungkinan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh mempengaruhi rakyat dalam pilihan raya nanti, beliau berkata sebenarnya kes bekas Timbalan Perdana Menteri itu bukan menjadi isu lagi sekarang.

"Sudah tiada isu lagi (kes Anwar) dan orang dah tak peduli, apatah lagi mengenai kes arsenik yang menyebabkan orang ramai kini sudah tidak percaya yang Anwar diracun.

"Namun, dalam sesebuah negara, mesti ada yang tidak sokong kerajaan dan jumlahnya kebiasaan sekitar 20 hingga 25 peratus. Walau sebaik mana sekalipun sesebuah kerajaan itu, golongan ini tetap tidak suka kepada kerajaan," katanya.

Ghafar turut mengetepikan saranan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang supaya diwujudkan satu lagi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengawasi perjalanan pilihan raya kali ini.

Katanya, cadangan itu tidak perlu kerana negara sudah mempunyai SPR iaitu badan rasmi bagi mengendalikan pilihan raya.

"Pada pilihan raya umum 1987, kita ada pemerhati pilihan raya dari Komanwel dan sekarang saya rasa pemerhati seperti itu tidak perlu," katanya.

(END)